

## **ANALISIS LITERATUR KAJIAN ZAKAT DAN ASNAF AL-GHARIMIN**

### ***Analysis on Literature Review of Zakat and Asnaf Al-Gharimin***

**Nadiah Nabilah Binti Baharum<sup>1\*</sup>**

**Raziah Binti Md Tahir<sup>2</sup>**

**Abu Bakar Hamed<sup>3</sup>**

<sup>1,2,3</sup>Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman

\*Corresponding author (Email: [nadiahnabilah88@gmail.com](mailto:nadiahnabilah88@gmail.com))

Diterima: 17 Mac 2021, Diproses: 19 Mac 2021, Diterbitkan: 31 Mac 2021

---

**Abstrak:** *Zakat merupakan alat kewangan sosial Islam yang berperanan membangunkan ekonomi ummah. Agihan zakat kepada lapan golongan asnaf telah dinyatakan dalam surah al-Taubah ayat 60. Salah satu daripada asnaf zakat yang layak mendapat pengagihan zakat adalah asnaf al-gharimin. Asnaf al-gharimin merujuk kepada orang-orang Islam yang berhutang untuk tujuan yang dibenarkan syarak. Terdapat beberapa kajian yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu mengenai zakat dan asnaf al-gharimin. Kajian-kajian tersebut merangkumi pelbagai isu dan tema tertentu bergantung kepada objektif kajian masing-masing. Kertas kerja ini ingin mengenal pasti literatur kajian berkaitan zakat dan asnaf al-gharimin di Malaysia mengikut tema dan isu. Metodologi kajian adalah melibatkan pengumpulan maklumat berkaitan zakat dan asnaf al-gharimin secara kualitatif melalui kajian dokumen daripada artikel dalam laman web jurnal tertentu. Dapatkan kajian ini diharap dapat mempamerkan jurang kajian berkaitan zakat al-gharimin di Malaysia.*

**Kata kunci:** Literatur, Zakat, Asnaf al-Gharimin

**Abstract:** *Zakat is an Islamic social financial instrument that has main role in economic development of ummah. The distribution of zakat to eight groups of asnaf has been stated in surah al-Taubah verse 60. One of the asnaf zakat who are eligible for the distribution of zakat is asnaf al-gharimin. Asnaf al-gharimin refers to Muslims who are in debt for purposes permitted by sharia. There are several studies done by previous researchers on zakat and asnaf al-gharimin. The studies cover a wide range of specific issues and themes depending on the objectives of the respective study. The objective of this paper is to identify the research literature related to zakat and asnaf al-gharimin in Malaysia according to themes and issues. The research methodology involves the collection of information related to zakat and asnaf al-gharimin qualitatively through the study of documents from articles in specific journal websites. The findings of this study are expected to show the gap in research related to zakat al-gharimin in Malaysia.*

**Keywords:** *Literature, Zakat, Asnaf al-Gharimin*

---

## PENGENALAN

Zakat berperanan besar dalam membantu umat Islam dan membangunkan ekonomi ummah. Ibadah zakat merangkumi pelbagai aspek iaitu agama, politik, sosial dan ekonomi bukan sahaja kepada umat Islam bahkan kepada manusia sejahtera (Muaz et. Al., 2016). Justeru, zakat menjadi alat kewangan sosial Islam yang sangat berkesan dalam membantu masyarakat Islam yang memerlukan terutamanya dalam menyeimbangi taraf hidup di antara golongan kaya dan golongan yang kurang berasib baik. Antara golongan yang kurang berasib baik dan layak menerima bantuan zakat adalah asnaf *al-gharimin* yang merujuk kepada orang-orang Islam yang dibelenggu hutang. Hutang yang melampau juga boleh mendorong seseorang itu diisyiharkan muflis.

Laporan Pemantauan Ekonomi Bank Dunia pada tahun 2018 telah mendapati kes muflis dalam kalangan mereka yang berumur 25 hingga 34 tahun meningkat sebanyak 104 peratus. Kes muflis yang direkodkan membabitkan pembiayaan peribadi dan hutang kad kredit. Punca utama yang dikenal pasti menyumbang kepada kes muflis dalam kalangan belia masa kini adalah untuk bersaing dari aspek gaya hidup (Mohd Nazari, 2020). Statistik menunjukkan kadar keberhutangan dalam kalangan Muslim semakin meningkat. Justeru, ia perlu dikawal sebaiknya sebelum status hutang bertukar kepada muflis. Mereka yang ingin berhutang perlu mengambil kira tujuan untuk berhutang sama ada memenuhi keperluan asas (*daruriyyah*), keperluan biasa (*hajiyah*) atau keperluan mewah (*tahsiniyyah*) (Mohd Faisol & Muhammad, 2019).

Mutakhir kini, negara dan seluruh dunia digemparkan dengan kehadiran pandemik Covid-19 yang telah memberi impak besar secara langsung dan tidak langsung. Impak pandemik Covid-19 memberi kesan yang besar terhadap kehidupan manusia serta ekonomi sejahtera. Antara langkah yang diambil kerajaan Malaysia iaitu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sedikit sebanyak membantu dari segi memutuskan rantai Covid-19, akan tetapi ia memberi kesan negatif terhadap sosial dan ekonomi negara. Banyak sektor terjejas teruk, lahirnya kemiskinan baharu dan implikasi sosial semakin bertambah (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

Justeru peranan institusi zakat dalam memberi bantuan dalam bentuk kewangan atau pun bukan kewangan perlu dilaksanakan secepat mungkin bagi memastikan umat Islam yang terjejas semasa pandemik ini mendapat hak mereka yang sewajarnya. Institusi zakat boleh memberi bantuan paling minimum iaitu pada tahap yang paling asas iaitu memenuhi keperluan *daruriyyah* (Utusan Malaysia, 2020). Keperluan *daruriyyah* adalah merujuk kepada tujuan pensyariatan (*maqasid as-syariah*) yang terdiri daripada lima tujuan iaitu memelihara agama (*ad-din*), memelihara nyawa (*al-nafs*), memelihara akal fikiran (*al-aql*), memelihara keturunan atau maruah (*nasab*) dan memelihara harta benda (*al-mal*) (Rosbi et.al, 2010; Asmadi, 2003; Shukeri, 2009).

Mereka yang berhutang demi memenuhi keperluan asas dikategorikan sebagai asnaf *al-gharimin*. Setiap negeri di Malaysia mempunyai takrifan asnaf *al-gharimin* yang tersendiri. Hampir kesemua takrifan ini membawa maksud yang sama iaitu berhutang demi memenuhi keperluan asas diri, keluarga dan masyarakat di mana hutang tersebut memerlukan penyelesaian segera. Antara syarat-syarat *al-gharimin* yang layak menerima bantuan adalah seperti tidak mempunyai harta atau sumber kewangan yang melebihi keperluan asasnya, pinjaman dibuat di dalam perkara yang halal dan harus, wujudnya keperluan menyelesaikan

hutang dengan kadar yang segera, wujudnya kemudaratan terhadap diri dan keluarga jika hutang tidak dibayar dan yang berhutang untuk menyelesaikan masalah asasi seperti kesihatan, pelajaran di peringkat rendah dan menengah, makanan, tempat pelindungan sementara dan segala hutang untuk meninggikan martabat agama (Jabatan Fatwa Selangor, 2014).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian literatur menggunakan kaedah kualitatif dalam mendapatkan maklumat mengenai kajian-kajian lepas tentang zakat dan asnaf *al-gharimin* di Malaysia. Kajian lepas ini diperolehi daripada artikel jurnal tertentu yang banyak membincangkan mengenai isu berkaitan zakat dan asnaf *al-gharimin*. Ini bermakna data dan maklumat sekunder digunakan untuk mencapai objektif kertas kerja ini. Analisis kajian literatur ini dijalankan secara analisis kandungan (*content analysis*).

## **ANALISIS LITERATUR KAJIAN**

Bahagian ini membincangkan analisis literatur kajian berkaitan zakat dan asnaf *al-gharimin* berdasarkan penulisan artikel oleh para pengkaji di dalam jurnal-jurnal tertentu. Literatur kajian dibahagikan kepada empat (4) tema kajian yang menjadi fokus utama penyelidik iaitu prestasi kutipan zakat, keberkesanan agihan zakat, takrifan asnaf *al-gharimin* dan isu agihan zakat kepada asnaf.

### **Prestasi Kutipan Zakat**

Aspek kutipan dan pengagihan zakat merupakan perkara yang banyak dikaji oleh para penyelidik zakat. Prestasi kutipan zakat tidak dinafikan telah mengalami peningkatan dari tahun ke tahun. Kajian oleh Dziauddin (2003) mendapati kutipan zakat pada tahun 2000 sehingga tahun 2002 telah berlaku peningkatan hasil kutipan zakat namun ianya masih tidak berjaya mengurangkan jumlah asnaf dari kelompok kemiskinan.

Hasil kajian lepas turut mendapati orang ramai mulai sedar akan kewajipan menunaikan zakat di samping peningkatan taraf ekonomi dan usaha padu daripada pengurusan zakat yang secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan prestasi kutipan zakat (Patmawati dan Rahisam, 2010). Hal ini dapat dirumuskan bahawa kesedaran masyarakat Islam Malaysia mengenai kewajipan menunaikan zakat semakin meningkat.

Kajian oleh Md Zyadi dan Mariani (1999) menunjukkan peningkatan hasil kutipan zakat bukanlah semata-mata akibat penswastaan Pusat Zakat Selangor (PZS) tetapi juga disebabkan oleh faktor lain seperti kesedaran individu dan peningkatan dalam jumlah pendapatan. Ini dikuatkan lagi dengan kajian oleh Nor Ghani, et. al. (2001) yang membuktikan bahawa penswastaan walaupun berjaya menambahkan hasil kutipan tetapi penambahan tersebut adalah tidak signifikan. Ini bermakna prestasi kutipan zakat dipengaruhi oleh pelbagai faktor antaranya kesedaran masyarakat, penswastaan institusi zakat dan peningkatan tahap kualiti pengurusan zakat yang efektif.

### **Keberkesanan Agihan Zakat**

Isu keberkesanan pengagihan zakat juga banyak dibincangkan dalam kajian terdahulu. Antaranya membincangkan tentang agihan zakat yang mengaitkan peranan institusi zakat yang mampu mencapai matlamat di tahap maksima sekiranya penerima zakat menjadi pembayar

zakat di masa akan datang. Kajian ini juga mendapat terdapat isu keciran agihan terhadap golongan yang sepatutnya menerima bantuan zakat (Muhammad Syukri, 2006, Sanep, 2009, dan Hairunnizam et. al., 2010).

Pelbagai kajian dari aspek agihan zakat telah dijalankan seperti kajian Hairunnizam et.al (2004) yang menilai dari segi kualiti hidup, Fuadah (2004) melihat kesan dari aspek agihan pendapatan, dan Patmawati (2005) menilai dari segi kesaksamaan agihan pendapatan. Begitu juga dengan kajian Mujaini (2005) yang menilai kesan agihan dari aspek pendapatan tetapi ke arah pengurusan yang profesional, manakala Ahmad Fuad (2006) menilai hanya dari aspek pendapatan sahaja.

Kajian oleh Hairunnizam et. al. (2004) pula membincangkan mengenai keberkesanannya agihan zakat terhadap golongan yang sentiasa diberi keutamaan dalam pemberian wang zakat iaitu asnaf fakir dan miskin. Kajian tersebut menemukan kesan agihan zakat terhadap golongan tersebut memberi impak positif terutama dalam peningkatan taraf hidup mereka dari sudut pendidikan. Di samping itu, kajian mengenai agihan zakat yang telah dijalankan oleh Azizi and Noraini (2004) menyatakan tentang keutamaan zakat dalam teori ekonomi Islam manakala kajian empirical yang dilakukan oleh Geoffrey (1994) membuktikan bahawa zakat berjaya membantu keseimbangan agihan pendapatan kepada asnaf di Pakistan.

### **Takrifan Asnaf Al-Gharimin**

Asnaf *al-gharimin* adalah golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas diri, keluarga, tanggungannya atau masyarakat dan memerlukan penyelesaian segera yang dibenarkan oleh syarak (MAIWP,2020). Namun, tidak semua golongan yang berhutang adalah tergolong dalam takrifan asnaf *al-gharimin* yang melayakkan mereka menerima bantuan zakat. Ia mestilah berhutang dengan tujuan yang dibenarkan syarak iaitu menampung keperluan asas diri, keluarga dan tanggungannya (Raziah & Syarifah, 2014).

Mengikut mazhab Maliki, Shafie dan Hambali, *al-gharimin* ditakrifkan sebagai mereka yang berhutang untuk kepentingan diri sendiri mahupun berhutang untuk kepentingan masyarakat (A-Qardawi, 2002). *Al-gharimin* merupakan golongan yang berhak menerima zakat atas dasar memenuhi *darurriyah*.

Kajian lain oleh Hairunnizam et al. (2010) menjelaskan bahawa definisi asnaf *al-riqab*, *al-gharimin* dan *ibnu sabil* perlu diperluaskan bagi menyelesaikan permasalahan berkaitan mengikut konteks semasa dan setempat. Kajian oleh Raziah dan Syarifah (2014) juga menyatakan mereka yang berhutang perlu memenuhi enam syarat utama untuk melayakkan mereka menerima bantuan zakat.

Hasil kajian Mahadi et. al. (2018) mendapati majoriti institusi zakat di Malaysia mentakrifkan asnaf *al-gharimin* berlandaskan mazhab Shafie. Takrifan umum yang digunakan pakai didapati adalah sama namun dari sudut mengkelaskan ciri-ciri dan syarat kelayakan adalah berbeza mengikut negeri berikut Majlis Agama Islam Negeri dan Pusat Zakat Negeri yang berbeza. Ada sesetengah negeri menerima kes berhutang dengan ceti haram dan sesetengah negeri menolak pula permohonan bantuan berhutang dengan ceti haram.

Kesimpulannya, institusi zakat secara umumnya mentakrifkan asnaf *al-gharimin* sebagai orang yang berhutang dengan tujuan yang dibenarkan syarak akan tetapi masih gagal untuk membayar hutang tersebut biarpun telah berusaha sedaya mungkin untuk menyelesaikan

hutang. Perbezaan ciri-ciri dan syarat kelayakan itu bergantung kepada situasi dan keadaan semasa.

### **Isu Agihan Zakat Kepada Asnaf**

Menurut kajian oleh Mohamed Dahan (1998) dan Abdullah (1999), isu kaedah pengagihan dana zakat, status kelayakan asnaf sama ada layak menerima bantuan atau tidak serta masalah kemiskinan masih berleluasa biarpun agihan dana zakat telah diberikan. Masalah kemiskinan yang masih tinggi dalam kalangan masyarakat seolah-olah mempamerkan bahawa prestasi dan pencapaian institusi zakat dalam membantu golongan asnaf tersebut masih belum mencapai tahap yang memuaskan.

Isu pengagihan merupakan topik yang paling kerap dikupas dan dikaji oleh penulis dan pengkaji terdahulu. Di antaranya adalah Mujaini (2005), Muhammad Syukri (2006), Sanep (2009), dan Hairunnizam et. al. (2010). Isu agihan ini dikupas bagi memastikan pengagihan zakat mencapai matlamat utama antaranya membantu golongan asnaf keluar daripada kelompok penerima zakat kepada kelompok pembayar zakat. Isu agihan ini juga turut membantu dalam menyelesaikan isu golongan yang tercicir dari menerima bantuan zakat.

Jika dilihat pada statistik agihan, jumlah agihan adalah lebih tertumpu kepada asnaf fakir, miskin dan *fi sabilillah* sahaja sedangkan asnaf yang lain kurang mendapat bantuan sewajarnya. Hal ini akan menyebabkan objektif sebenar zakat tidak tercapai kerana pengagihan zakat tidak secara menyeluruh (Sanep et. al., 2006). Hal ini perlu diteliti supaya asnaf yang lain termasuk asnaf *al-gharimin* juga menerima bantuan zakat secara optimum dan maksima.

### **KESIMPULAN**

Ringkasnya, kertas kerja ini dapat mempamerkan bahawa kajian mengenai zakat dan asnaf *al-gharimin* menjadi sangat signifikan lebih-lebih lagi isu hutang dalam kalangan masyarakat semakin meningkat dari masa ke semasa. Di samping itu, kajian mengenai takrifan *asnaf al-gharimin* juga perlu diberi perhatian oleh institusi zakat negeri mengikut keperluan masyarakat Islam masa kini dan *haddul kifayah* semasa.

Definisi *daruriyyah bagi* kategori barang keperluan masa kini perlu diperhalusi memandangkan kos sara hidup yang semakin meningkat dan kategori barang keperluan masa kini juga telah berubah. Kajian semula berkaitan agihan zakat kepada asnaf *al-gharimin* dapat membantu merungkaikan takrifan khusus asnaf *al gharimin* bahawa zakat hanya diberikan kepada mereka yang berhutang demi memenuhi keperluan asas diri, keluarga, tanggungannya mahupun berhutang demi masyarakat yang memerlukan penyelesaian segera dan dibenarkan oleh syarak termasuklah penjamin (MUIP, 2011). Selain itu, institusi zakat perlu menyebar luaskan maklumat mengenai takrifan asnaf *al gharimin* supaya mereka yang terlibat dalam masalah dibelenggu hutang atas keperluan asas semasa dapat memohon bantuan zakat untuk mengurangkan bebanan yang dihadapi dan memberikan peluang kedua kepada mereka dalam meneruskan kehidupan.

### **PENGHARGAAN**

Penulis merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kerana membiayai penyelidikan ini menerusi geran *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS). Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan FRGS bertajuk ‘Peranan zakat

dalam penyelesaian hutang asnaf *al-gharimin* dalam kalangan peserta Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)’ di bawah peruntukan Dana Geran FRGS-KPM, Kod S/O: 13026.

## RUJUKAN

- Abdullah, I. (1999). “Agihan Zakat Menurut Prinsip Siasah Shariyyah” dalam. kertas kerjadibentangkan dalam Kolokium Keberkesanan Zakat Negeri Selangor di Shah Alam pada 17 Mei 1999.
- Ahmad Fuad, M. (2006). Zakat sebagai mekanisme pembangunan usahawan di kalanganasnaf. Kertas Ilmiah Sarjana Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Al-Qaradawi, Y. (2002). *Hukum zakat* (Salman Harun, Didin Hafidhuddin & Hasanuddin, Pentj.). Bogor, Indonesia: Pustaka Litera AntarNusa.
- Asmadi, M., N. (2003). *Maqasid Syariah: Tujuan Akhir Syariat*. Sintok, Kedah: Penerbit`Universiti Utara Malaysia.
- Azizi, C., S. & Nor Aini, A. (2004). Economic Thoughts of Redistribution of Income and Wealth. A Comparative Analysis” dalam *Jurnal Syariah* 12:2 Penerbit Universiti`Malaya. h.42.
- Dziauddin, S. (2003). *Sistem pungutan dan agihan zakat fitrah : kajian di Baitulmal. Negeri Sembilan*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Fuadah, J. (2004). *Keberkesanan Zakat dalam Mengatasi Masalah Kemiskinan di Negeri Melaka*. Disestasi Sarjana Syariah dan Ekonomi. Universiti Malaya.
- Geoffrey, A., J. (1994). Zakat and Inequality: Some Evidence from Pakistan”, *TheReview of Income and Wealth*, Series 40, Number 2, June.
- Hairunnizam, W., Sanep, A. & Mohd Ali, M. N., (2004). “Kesan bantuan Zakat terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin”. Dalam Muhamad Muda et.al. Proceeding on National Seminar in Islamic Banking & Finance 2004. Petaling Jaya: Intel Multimedia & Publication.
- Hairunnizam, W., Sanep, A. & Radiah, A., K. (2010). Pengagihan Zakat oleh Institusi`Zakat kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia. *Jurnal PengurusanJAWHAR*. 4(1) 2010: 141-170.
- Jabatan Fatwa Selangor (2021, 13 Mac). Dicapai daripada <http://www.muftiselangor.gov.my/ms/fatwa/tahunan/pewartaan/2000/2004/1>
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2021, 13 Mac). Dicapai daripada [https://dosm.gov.my/v1/uploads/files/6\\_Newsletter/Newsletter%202020/DOS/ PD\\_1-2020\\_Siri-17.pdf](https://dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/Newsletter%202020/DOS/ PD_1-2020_Siri-17.pdf)
- Mahadi, M., Engku Muhammad Tajuddin, E. A., & Syahirah Salwa M. H. (2021, 10 Mac).Pentakrifan Asnaf Gharimin Di Institusi-Institusi Zakat Di Malaysia. Dicapai daripada file:///C:/Users/User.Lenovo/Downloads/Pentakrifan%20Asnaf%20Gharimin%0Di% Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). (2021, 10 Mac). Dicapai daripada [https://reports.muiip.gov.my/zakatportal/?page\\_id=3131](https://reports.muiip.gov.my/zakatportal/?page_id=3131)
- Md Zyadi, T. & Mariani, M. (1999). “Prestasi Kutipan dan Agihan Zakat di Malaysia”Pascasidang Seminar Pengeluaran Awam dan Swasta: Justifikasi dan Realiti di Malaysia. Bangi : Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohamed Dahan, A. L. (1998). "Zakat Management and Administration in Malaysia" dlm. kertas kerja dibentangkan di Seminar of Zakat and Taxation di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Mohd Faisol, I. & Muhammad. S. (2019). Peranan Agihan Zakat Sebagai Alat Kewangan`Sosial Islam Bagi Melangsaikan Hutang Golongan Al-Gharimin Di Malaysia. *Labuan E-Journal Of Muamalat And Society*, 45-53.
- Mohd Nazari, I. (2021, 13 Mac). Pandemik Covid-19, Kemelut Ekonomi Dan Peranan Gerakan Islam. Dicapai Daripada <Https://Www.Astroawani.Com/Berita`Dunia/Pandemik Covid19-Kemelut Ekonomi Dan Peranan-Gerakan-Islam-237900>.
- Muaz, O., Norita, K. & Fakhri, S. (2016). "Konsep Zakat Dan Peranannya Terhadap Masyarakat Sejagat". *Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference*. Pp: 68-86.
- Muhammad Syukri, S. (2006). "Lokalisasi Pengagihan Zakat: Satu Cadangan Teoritis", dalam Hailani dan Abdul Ghafar (penyt). *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian & Perundangan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mujaini, T. (2005). *Golongan penerima zakat, agihan dana zakat secara lebih berkesan*. Shah Alam: Penerbit UiTM
- Nor Ghani, M., N., Mariani, M., Jaafar, A. & Nahid, I. (2001). "Can Privatization Improve Performance? Evidence From Zakat Collection Institutions" dlm. kertas kerja Bengkel Ekonomi Islam. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Patmawati, I. (2005). "Potential Role of Zakat Distribution in Reducing Inequality Among the Muslim Society". Dlm Abdullah Alwi Hj Hassan et al. *Teori dan Applikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Patmawati, I., & Rahisam, R. (2010). Kesan Agihan Zakat Dalam Membasmi Kemiskinan dan Ketidakseimbangan Agihan Pendapatan di Negeri Sembilan. Dlm. *Prosiding Perkem V*, Jilid 2 (2010) 104 – 113 ISSN: 2231-962X
- Raziah, M, T. & Syarifah, M, Y. (2014). Analisis Tafsiran Asnaf Al-Gharimin Di Malaysia. *International Journal of Management Studies*. Special Issues (22), 81-100.
- Rosbi, A. R., & Sanep, A. (2010). Pengukuran Keberkesanan Agihan Zakat: Perspektif *Maqasid Al-Syariah*. Seventh International Conference – The *Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy*. Pp 448-460.
- Sanep, A. (2009). "Agihan zakat merentasi asnaf: Ke arah memperkasa institusi zakat", dlm. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM)*, 2, 62-74.
- Sanep, A., Hairunnizam, W. & Adnan, M. (2006). Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia. *International Journal of Management Studies* 13 (2), 175-196.
- Shukeri, M. (2009). Maqasid Syariah dalam Pengurusan masyarakat majmuk di Malaysia. Dlm. kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Maqasid Syariah dalam pentadbiran Negara Peringkat Kebangsaan.
- Utusan Malaysia, (2020, 13 Mac). Hamizul Abdul Hamid/ Peranan Zakat Dalam Pandemik Covid-19. Dicapai <Https://Www.Utusan.Com.My/Gaya/2020/08/Peranan Zakat-Dalam-Pandemik Covid-19/> Daripada